

KATA HUBUNG

Kata hubung ialah kata yang digunakan untuk menghubungkan perkataan, frasa dan ayat.

Kata Hubung Gabungan – menghubungkan dua klausa atau lebih yang setara sifatnya
Contoh : dan, sambil, lalu, atau, kecuali, tetapi, serta

Kata Hubung Pancangan _ menghubungkan ayat kecil pada ayat induk yang tidak setara sifatnya.

Contoh :

yang, supaya, agar, jikalau, kalau, meskipun, sungguhpun, walaupun, selepas, setelah, sewaktu, Ketika, tatkala, hingga, sehingga

Kata Hubung Pasangan _ merupakan dua jenis kata hubung yang digunakan dalam satu ayat.

Contoh : sama ada..., ataupun, baik...mahupun, sungguhpun...tetapi, bukan sahaja...malah, bahkan juga

Contoh Ayat

1. Ratna dan Amerah bersahabat baik semenjak di bangku sekolah lagi.
2. Ayah selalu mengingatkan kami supaya belajar bersungguh-sungguh.
3. Adik menangis kerana terjatuh.

Isikan tempat kosong dengan kata hubung yang paling sesuai.

ketika	lalu	jikalau	tetapi	Bahawa
kerana	selepas	yang	sambil	agar

- 1) Halim hendak mengulangkaji pelajaran _____ kepalanya sakit.
- 2) Guru besar berharap _____ semua murid akan mematuhi peraturan sekolah.

- 3) Saya yakin _____ Danial mampu memenangi pertandingan syarahan itu.
- 4) Beberapa orang remaja disambar petir _____ mereka bermain bola di padang.
- 5) Basikal Afiq _____ hilang telah ditemui oleh bapanya di tepi sungai.
- 6) Pemuda itu disaman _____ melanggar lampu isyarat.
- 7) Wabak penyakit tidak akan menyerang penduduk _____ mereka menjaga kebersihan Kawasan kediaman masing-masing.
- 8) Emak mengambil sebaldi air _____ menyiram pokok-pokok bunga di halaman rumah.
- 9) Mak Cik Minah menyediakan sarapan _____ berbual-bual dengan suaminya.
- 10) Hanafi pulang ke rumah _____ menghantar lauk di rumah neneknya.